

» Pelajar dekati masyarakat kampung dan didedahkan mengenai kepentingan hutan paya kepada manusia

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bharian.com.my

► Puchong

Kem Pendidikan Alam Semula Jadi (KEMPAS) 2012 melakukan pembaharuan dengan memasukkan modul komunikasi di Inap desa.

Penyelaras Modul, Shazali Johari, berkata KEMPAS yang bertemakan Konservasi Hutan untuk Kesejahteraan Sejagat itu bukan saja tertumpu kepada modul alam sekitar tetapi membawa peserta ke Inap Desa Kampung Sungai Sireh, Tanjung Karang, Selangor.

Katanya, sebelum ini peserta berkampung di Pusat Pendidikan Perhutanan Sultan Idris Shah, Hutan Simpan Ayer Hitam, Selangor.

“Kami membawa peserta ke Inap Desa Sungai Sireh untuk memberi peluang kepada mereka memperluas pengetahuan mengenai alam semula jadi yang tidak hanya tertumpu pada hutan.



“Kami membawa peserta ke Inap Desa Sungai Sireh untuk memberi peluang kepada mereka memperluas pengetahuan mengenai alam semula jadi yang tidak hanya tertumpu pada hutan”

Shazali Johari,
Penyelaras Modul

KEMPAS di Inap desa



Peserta meninjau hidupan fauna dalam program KEMPAS 2012 di Hutan Simpan Air Hitam, Puchong.

[FOTO ADI SAFRI./ BH]

“Di Sungai Sireh, peserta bukan saji mendekati masyarakat kampung tetapi didedahkan dengan kehidupan semula jadi hutan paya gambut mengenai kepentingan hutan paya kepada manusia,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

KEMPAS 2012 dikendalikan sepenuhnya oleh Fakulti Perhutanan Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Exxonmobil dan BH.

Kem itu membabitkan 45 pelajar Tingkatan Empat dan guru pengiring dari 15 sekolah.

Sentuhan Rimba

Antara modul yang terbaru disediakan ialah Sentuhan Rimba,

Mata Ayerku Syahdu, Titisan Suci Dalam Debu dan Tenaga Alternatif mengikut lima tema yang ditetapkan iaitu Flora, Perhutanan, Tanah, Air dan Alam Sekitar.

Shazali berkata, KEMPAS kali ini turut menguji minda peserta dengan mengadakan kuiz pada setiap malam..

Katanya, markah ditentukan setiap malam dan markah keseluruhan dicampur dengan modul lain.

Beliau berkata, kuiz itu bagi menguji kefahaman peserta dalam setiap modul yang mereka pelajari.

“Akhirnya, kem ini diharap dapat meningkatkan rasa prihatin peserta untuk menghargai khaza-

nah alam semula jadi,” katanya.

Menangkap belut

Sementara itu, peserta dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tambulion, Kota Belud, Sabah, Emalinah Pius, 16, berkata usahanya untuk mendapat markah tertinggi dalam kuiz KEMPAS peringkat awal di sekolah berbaloi kerana terpilih menjadi peserta bagi kem peringkat kebangsaan.

Katanya, semua modul yang diajar memberi kesan mendalam terhadap kepentingan alam semula jadi kepada manusia.

“Ketika di Inap Desa Sungai Sireh, saya belajar menangkap belut, menuai padi dan menaiki traktor. Ini menjadi pengalaman



“Ketika di Inap Desa Sungai Sireh, saya belajar menangkap belut, menuai padi dan menaiki traktor”

Emalinah Pius,
Pelajar



Peserta bersama-sama telur yang dimasak menggunakan kotak tenaga solar dalam program KEMPAS 2012 di Hutan Simpan Air Hitam, Puchong.

yang tidak akan dilupakan,” katanya.

Peserta dari SMK Kai Dee, Bintulu, Sarawak, Morrison Anak Bawin, 16, pula berkata KEMPAS mengajar dia menghayati kehidupan rimba, tanah dan daun.

“Jika sebelum ini, saya mengetahui mengenai alam semula jadi berdasarkan buku dan televisyen, internet dan mata pelajaran di sekolah.

“Tetapi melalui program KEMPAS, banyak perkara yang saya pelajari selain teknik komunikasi bersama rakan dan fasilitator ketika melakukan pembentangan,” katanya.